

EMBARGO: Untuk Siaran Selepas Jam 10.00 malam, Sabtu, 31 Julai 1999

Sila semak semasa dilafazkan

**UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATO SERI DR SITI HASMAH BTE. HJ. MOHD ALI
DI MAJLIS PELANCARAN KEMPEN HARI PAHLAWAN 1999
DI RTM, ANGKASAPURI, KUALA LUMPUR
PADA HARI SABTU, 31 JULAI 1999
JAM 8.45 MALAM**

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia dan hidayahNya, sekali lagi kita dapat bersama-sama sempena pelancaran kempen Hari Pahlawan pada tahun ini.

2. Marilah kita merenung sejenak sejarah Hari Pahlawan yang saban tahun kita sambut. Peristiharan Hari Pahlawan di Malaysia dibuat oleh Kerajaan di bawah pimpinan Yang Teramat Mulia Al-Marhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri Malaysia yang pertama. Beliau telah memilih tanggal 31 Julai kerana sempena tamatnya darurat menentang Parti Komunis Malaya pada tahun 1960. Sebelum ini hari tersebut dikenali sebagai "Poppy Day" di mana kita turut mengiktirafkan konvensyen Geneva 1945, sebagai Hari untuk memperingati tamatnya perang dunia kedua. Mengambil semangat dari konvensyen Geneva itu, kempen ini adalah sebagai memperingati kemenangan dan menginsafi betapa dahsyatnya kesan-kesan perang kepada manusia. Kepada kita rakyat Malaysia 31 Julai adalah merupakan hari untuk kita mengenang jasa pahlawan-pahlawan kita yang telah berkorban demi mempertahankan maruah dan kedaulatan negara. Antara mereka ini ramai yang telah gugur dan hilang upaya sepanjang hayat di dalam melaksanakan tugas-tugas murni ini. Sebagai tanda ingatan, sumbangan derma adalah dimohon daripada rakyat untuk membantu bekas-bekas tentera kita dan balu-balu serta keluarga mereka yang memerlukan.

3. Sebagai rakyat Malaysia yang cintakan tanah air dan keamanan dengan tidak mengira agama dan keturunan, marilah kita sama-sama berdoa dan merakamkan setinggi-tinggi

penghargaan kepada pahlawan kita yang telah banyak menabur bakti dan berkorban untuk negara ini.

4. Sekarang ini kita sedang bergerak keluar daripada kemelut ekonomi dan menuju ke era pemulihan. Kerajaan kita sedang giat melaksanakan program-program pemulihan pembangunan bagi kemajuan negara dan kesejahteraan rakyat. Dalam melaksanakan program-program tersebut, setiap lapisan masyarakat kita haruslah memainkan peranan masing-masing dalam usaha membangunkan negara.

5. Kita semua sedia maklum bahawa kestabilan negara di mana penduduknya terdiri daripada rakyat yang berbilang kaum adalah amat penting bagi menjamin segala usaha kita memenuhi kejayaan dan menepati matlamatnya. Peringkatnya kestabilan dan keamanan negara tidak dapat dipertikaikan lagi oleh sesiapa kerana sudahpun terbukti di dalam lipatan sejarah negara kita. Tanpa perpaduan dan semangat kerjasama antara kaum sudah pasti akan berlaku perpecahan di kalangan rakyat dan ini sudah pasti menjejaskan segala usaha murni kita memajukan rakyat dan negara.

6. Oleh yang demikian, keharmonian hidup rakyat berbilang kaum di negara kita hendaklah sentiasa dipelihara, dipupuk dan dipertingkatkan lagi untuk menjamin kecemerlangan masa depan negara.

7. Sesungguhnya peranan pasukan bersenjata kita di dalam mengawal keselamatan dan mempertahankan keamanan negara haruslah disanjung. Kebijakan dan kecekapan Pasukan Keselamatan kita dalam memelihara keamanan negara hingga ke tahap yang tinggi ini harus mendapat pujian daripada kita semua.

8. Bagaimanapun dalam suasana yang aman ini rakyat kita tidak haruslah leka dan cuai dalam tanggungjawab memelihara keamanan negara. Rakyat Jelata mestilah sentiasa peka terhadap anasir-anasir yang boleh mengancam keselamatan negara dan mestilah terus memberi sokongan padu dan kerjasama kepada pasukan keselamatan di dalam menjalankan tugas mereka.

9. Negara kita telah mengalami pelbagai kemelut yang mengancam keselamatan dan kestabilan, namun demikian ianya telah berjaya diatasi dengan kerjasama rakyat dan kecekapan pasukan keselamatan kita. Dengan adanya keamanan dan keselamatan, negara kita telah dapat bergerak maju terutama dalam melaksanakan usaha-usaha pembangunan dan mampu bersaing pula dengan negara-negara asing dalam mengembangkan aktiviti ekonomi secara global.

10. Bersempena dengan kempen Hari Pahlawan tahun ini, saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengulangi seruan kepada rakyat di segenap lapisan masyarakat terutamanya para remaja untuk meninggikan lagi semangat dan patriotisme mereka terhadap negara. Peranan cintakan negara haruslah kekal dan tebal di dalam diri kita. Janganlah ianya terhakis dengan begitu mudah oleh apa jua keadaan termasuk pengaruh luar yang boleh menggugat pendirian kita. Semangat yang sebegini akan melahirkan perasaan cintakan negara sepanjang masa dan akhirnya akan menjadikan salah satu faktor yang penting untuk menjamin kestabilan negara dan seterusnya membawa kepada pembangunan negara.

11. Kita tidak seharusnya melupakan peranan dan pengorbanan oleh pahlawan-pahlawan kita yang telah banyak berjasa kepada rakyat dan negara kita. Kita perlu mempunyai keinsafan yang ikhlas di hati sanubari kita untuk memberi perhatian yang setimpal kepada mereka selaku wira negara. Bagi mereka yang telah gugur, janganlah kita lupa kepada ahli-ahli keluarga mereka yang ditinggalkan. Begitu juga mereka yang telah hilang upaya kerana kecederaan semasa bertugas. Mereka semua memerlukan perhatian dan bantuan.

12. Sepanjang tahun 1998 Persatuan Bekas Tentera Malaysia telah mengeluarkan sumbangan kebajikan sebanyak RM Lapan Ratus Dua Ribu Sembilan Puluh Tiga (RM 802,093.00) kepada keluarga serta ahli-ahli Persatuan Bekas Tentera Malaysia dalam pelbagai kategori merangkumi:

* bantuan balu sebanyak RM Dua Ratus Dua Puluh Satu Ribu Tiga Ratus Lima Belas (RM 221,315.00) untuk seramai 263 orang penerima;

- * bantuan tidak daya upaya sebanyak RM Satu Ratus Enam Puluh Sembilan Ribu Tiga Ratus Sembilan Puluh Lima (RM169,395.00) untuk seramai 225 orang penerima;
- * bantuan anak yatim piatu sebanyak RM Dua Puluh Dua Ribu Enam Ratus Lapan Puluh (RM 22,680.00) untuk seramai 96 orang penerima;
- * bantuan kebajikan am dan perubatan sebanyak RM Satu Ratus Tiga Puluh Ribu Lima Ratus Tiga Puluh Lima (RM 130,535.00) untuk seramai 642 orang penerima;
- * bantuan pendidikan yang meliputi institut Pengajian Tinggi, biasiswa kecil dan bantuan peperiksaan sebanyak RM Dua Ratus Lima Puluh Lapan Ribu Satu Ratus Enam Puluh Lapan (RM 258,168.00) untuk seramai 1,224 orang anak-anak ahli Persatuan Bekas Tentera.

13. Sebagai penaung kempen Hari Pahlawan saya berharap kepada tuan-tuan dan puan-puan yang budiman untuk menghulurkan sumbangan seberapa ikhlas kepada Persatuan Bekas Tentera Malaysia yang satu-satunya persatuan atau badan yang diiktiraf oleh Kerajaan bagi membantu para bekas tentera kita atau keluarga dan anak-anak yang ditinggalkan demi mempertahankan negara. Walaupun tidak seberapa jika dibandingkan dengan penderitaan yang ditanggung, setidak-tidaknya dapat mengurangkan bebanan yang dihadapi dan membuktikan bahawa rakyat Malaysia sentiasa hidup saling bantu membantu dan sentiasa prihatin terhadap kesusahan yang dihadapi oleh anggota masyarakat yang lain tanpa mengira bangsa dan agama.

14. Sesungguhnya amatlah besar ertinya sumbangan tuan-tuan dan puan-puan untuk menjamin kempen Hari Pahlawan ini mencapai matlamatnya.

15. Saya ingin mengambil kesempatan di sini mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Malaysia yang sentiasa peka dan prihatin terhadap masalah dan penderitaan bekas-bekas tentera kita.

16. Kepada Kerajaan Negeri, Badan-badan Berkanun, syarikat swasta, murid-murid sekolah serta individu-individu yang budiman saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih terhadap sokongan berterusan khususnya dari segi kewangan dan seumpamanya.

17. Sebelum saya mengundur diri, dengan segala rendah diri dan dengan kalimah Bismillahir rahmanir rahim, saya lancarkan kempen Hari Pahlawan bagi tahun 1999 dengan rasminya.
